

24 OKTOBER 2017

## Rampas dadah RM12.7 juta

# Rampas dadah RM12.7 juta

**SEPANG 23 Okt.** - Polis mematahkan cubaan menyeludup 248 bungkusan 'teh' mengandungi dadah jenis ketamin dengan nilai keseluruhan rampasan bernilai RM12.7 juta dalam serbuan di kargo Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Kejayaan merampas dadah seberat 254 kilogram (kg) itu menjadikannya sebagai rampasan yang terbesar setakat ini di Kompleks Kargo berkenaan serta kejayaan pertama oleh Polis KLIA yang baru ditubuhkan minggu lalu.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Bukit Aman, Datuk Seri Mohmad Salleh berkata, bungkusan-bungkusan tersebut dipercayai untuk dibawa masuk ke pesawat yang akan berlepas ke Taipei, Taiwan.

Beliau berkata, serbuan yang dijalankan Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) bersama elemen Pasukan Khas Taktikal Perisikan Narkotik (STING) pada 19 Oktober lalu di kawasan *airside* Lapangan Terbang KLIA2, di sini itu adalah hasil perkongsian maklumat dengan pihak Biro Penyiasatan Kementerian Keadilan Taiwan (MJIB).

"Bungkusan-bungkusan dadah yang diisyiharkan sebagai pakaian ini dipercayai akan dipasarkan di Taiwan kerana harga pasaran di sana dikatakan berlipat ganda berbanding di negara ini."

"Oleh sebab itu, sindiket ini menggunakan pelbagai cara bagi mengaburi mata pihak berkuasa," katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Mengulas lanjut, Mohmad



MOHAMAD SALLEH (tiga dari kiri) menunjukkan sebahagian daripada dadah jenis ketamin bernilai RM 12.7 juta yang cuba diseludup ketika sidang akhbar di ibu pejabat Polis Daerah KLIA, Sepang, Selangor, semalam. - UTUSAN/RASHID MAHFUD

memberitahu, serbuan tersebut dilakukan susulan maklumat pihak berkuasa Taiwan yang sebelum ini berjaya merampas bungkusan mengandungi 30.5 kg dadah jenis heroin yang disorokkan dalam 90 unit termos haba di negara berkenaan, dipercayai daripada sindiket sama.

Ujarnya, pihaknya kini bersama MJIB sedang menjalankan siasatan secara terperinci bagi mengesan dalang sindiket yang terbabit namun setakat ini belum ada tangkapan dibuat dan siasatan lanjut masih dijalankan.

"Maklumat pada alamat pengirim barang itu menggunakan alamat di Lembah Klang. Dadah-dadah ini adalah untuk pasaran di Taiwan dan menggunakan KLIA untuk ke negara itu."

"Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik sentiasa menjalankan kerjasama erat dengan pelbagai agensi penguatkuasaan dadah tempatan dan antarabangsa bagi memastikan kegiatan penyeludupan dan pengedaran dadah dapat dibanteras secara habis-habisan," katanya.

Menurut Mohmad, melalui hasil kerjasama antarabangsa yang dibuat JSJN dengan MJIB Taiwan sejak 2012, lima rampasan dadah berjaya dijalankan membabitkan 73 tangkapan masing-masing 54 warga tempatan dan 19 warga asing.

"Lima rampasan itu membabitkan 1,025 kg dadah pelbagai jenis dan lebih empat juta pil pelbagai jenis bernilai lebih RM103 juta serta boleh digunakan oleh 850,000 penagih dadah," katanya.